

**KAJIAN IMPAK PENILAIAN BAKAT *RISING TOGETHER*
DALAM KALANGAN PEGAWAI PERKHIDMATAN PENDIDIKAN (PPP)
IPGK YANG MENGIKUTI PROGRAM PEMBANGUNAN BAKAT**
Impact Assessment of Rising Together Talent Assessment in Education Service
Officer (PPP) IPGK Participates in Talent Development Programs

*Muhammad Jun Basaruddin¹, Mohd Salleh Aman² PhD, Abdul Latif Ahmad³ PhD,
Nur Aisyah Chuah Jia Ni⁴ Lukman Sa'adon⁵ & Yusri Yusof⁶*
*IPG Kampus Ilmu Khas¹ Universiti Malaya² IPG Kampus Tun Husein Onn³ IPG Kampus
Bahasa Antarabangsa⁴ IPG Kampus Tun Husein Onn⁵ IPG Kampus Darulaman⁶*
e-mel: jun@ipgkik.edu.my

ABSTRAK

Kajian ini merupakan kajian impak Penilaian Bakat Rising Together dalam kalangan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP) IPGK yang mengikuti Program Pembangunan Bakat di Pulau Pangkor dan Tuaran yang dianjurkan oleh Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM). Tujuan utama kajian ini ialah menghasilkan instrumen kursus Penilaian Bakat dan mengukur pencapaian prestasi peserta program tersebut. Selain itu, kajian ini bertujuan mengukur, membanding dan menilai pencapaian prestasi peserta program Penilaian Bakat di Pulau Pangkor, Perak dan Tuaran, Sabah. Penyelidikan ini merupakan kajian deskriptif yang menggunakan reka bentuk tinjauan (survey). Survey diedarkan atas talian dan ditadbirkan secara digital yang dapat dicapai oleh responden dalam telefon bimbit melalui blog dan kata laluan khusus. Antara dapatan utama kajian ini ialah berjaya menghasilkan instrumen Penilaian Bakat elemen 'kematangan emosi dan keyakinan diri' dan 'kepentasan bertindak' yang masih kurang dikuasai peserta, sesi kursus memberi impak segera dan positif walaupun kesannya lebih tertumpu kepada peserta secara berkumpulan berbanding secara individu. Hasil daripada dapatan kajian ialah perolehan Instrumen Penilaian Bakat Rising Together (IPBRT), perhatian sama rata terhadap semua elemen penilaian prestasi, elemen 'kematangan emosi dan keyakinan diri' dan 'kepentasan bertindak' yang masih kurang dikuasai peserta, memberi impak segera dan positif walaupun kesannya lebih tertumpu kepada peserta secara berkumpulan berbanding secara individu dan staf bermasalah sentiasa 'wujud' dalam sistem dan organisasi pendidikan.

Kata kunci : penilaian bakat, pencapaian prestasi

ABSTRACT

This study is an impact study on Talent Assessment Rising Together among IPGK Education Service Officers who are participating in the Talent Development Programme in Pulau Pangkor and Tuaran organised by the Institute of Teacher Education Malaysia (IPGM). The main purpose of this study was to produce instruments for the Talent Assessment course and to measure the performance performance of the participants. The main purpose of this study was to produce instruments for the Talent Assessment course and to measure the performance performance of the participants. In addition, the study aims to measure, compare and evaluate the performance achievements of participants of the Talent Assessment programmes in Pulau Pangkor, Perak and Tuaran, Sabah. This research is a descriptive study using survey design. Surveys are distributed online and administered digitally which can be accessed by respondents in mobile phones through blogs and specific passwords. Among the main findings of the study were the successful production of the Talent Assessment instruments of the elements of 'emotional maturity and self-confidence' and 'speed of action' which were still poorly controlled by participants, the course sessions had an immediate and positive impact even though the impact was more focused on the participants in

groups than on individuals. The result of the study was the acquisition of the Rising Together Talent Assessment Instrument (RTTAI), equal attention to all elements of performance assessment, elements of 'emotional maturity and self-confidence' and 'propriety of action' that participants still lacked, immediate and positive impact even though the impact is more focused on participants in groups than individually and problematic staff always 'exist' in the educational system and organization.

Keywords : talent assessment, performance achievement

PENDAHULUAN

Mengenal pasti bakat dan menilai prestasi merupakan satu mekanisme untuk memetakan keperluan-keperluan organisasi dalam mengenal pasti kebolehan, bakat dan potensi pensyarah IPG. Mekanisme ini dapat membantu IPGK memacu perkembangan dan memaksimumkan kebolehan pensyarah itu bagi mencapai matlamat organisasi. Kebolehan pensyarah ditentukan berdasarkan kecekapan bertugas dan sikap-sikap peribadi terbaik. Program yang dijalankan di Pulau Pangkor, Perak dan Tuaran, Sabah adalah siri program pembangunan bakat dan potensi pensyarah IPG. Kajian penilaian bakat peserta telah dijalankan dalam kedua-dua program dengan tujuan untuk menghasilkan dan menguji instrumen seterusnya mengukur pencapaian prestasi peserta program tersebut.

Sebagai institusi bertaraf universiti, Institut Pendidikan Guru mendukung gerakan transformasi dengan meningkatkan standard pendidikan melalui pembangunan pendidikan guru. Guru yang berkualiti mampu membina peribadi dan menjadikan profesion keguruan berada pada tahap yang tinggi. Guru berkualiti mempunyai perspektif yang sama sebagai guru cemerlang, guru berkesan, guru unggul, guru efektif dan guru profesional (Kasmin et al. 2019). Oleh itu, Program Pembangunan Bakat Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP), Institut Pendidikan Guru Kampus (IPGK) adalah satu daripada gelombang transformasi itu yang dirancang untuk dilaksanakan dalam tempoh 10 tahun. Untuk tujuan itu, beberapa orang tenaga pakar dari Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM) dan IPGK telah membangunkan instrumen penilaian. Instrumen penilaian program pembangunan bakat bertujuan untuk mengenal pasti kelompok pensyarah yang berbakat dan berpotensi. Dari situ mereka akan dipilih untuk mengikuti siri program pembangunan profesionalisme. Program ini diharap dapat menyiapkan para pensyarah untuk memilih laluan kerjaya (i) pakar bidang khusus, (ii) kepimpinan dan (iii) pengajaran dan pembelajaran (PdP). Kelompok PPP yang berpotensi dalam bidang penyelidikan dan konsultansi juga diambil kira.

PERNYATAAN MASALAH

Transformasi pendidikan merupakan rancangan jangka panjang dan kritikal di peringkat nasional. Untuk memenuhi keperluan pendidikan dalam Abad ke-21, institusi pendidikan memerlukan pemimpin yang menumpukan usaha membangunkan kapasiti serta kemampuan kepimpinan guru-guru serta staf demi memastikan kelestarian kepimpinan. Don et. al (2015) menjelaskan bahawa kepimpinan distributif mempunyai potensi untuk memberi pengaruh kepada pencapaian individu dan organisasi. Masyarakat sentiasa mengharapkan suatu kualiti pendidikan yang berkesan dan inginkan sesuatu yang positif dalam proses pengajaran dan pembelajaran anak-anak mereka di sekolah. Jika anak-anak mereka terabai di sekolah, ibu bapa dengan mudah menuding jari menyalahkan guru-guru. Kekurangan kemahiran dan permasalahan peribadi guru selalu menjadi perhatian. Isu ini secara langsung terkait dengan apa, bagaimana dan di mana guru-guru itu mendapat latihan. Sehubungan itu, institusi latihan keguruan menjadi sumber utama dalam melahirkan guru yang cemerlang.

Pendidikan guru menuntut pensyarah di IPG memiliki pelbagai kebolehan, iaitu bukan hanya berkebolehan dalam pengajaran dan pembelajaran malah berkemampuan menjadi tenaga

pakar dalam bidang akademik yang khusus. Bagaimanapun bukan semua pensyarah memiliki kebolehan dan kemahiran yang berbagai. Untuk mencapai ke tahap itu mereka perlu mengikuti latihan pembangunan diri secara berkala. Persoalannya apakah kandungan dan pendekatan program pembangunan diri yang dianjurkan dapat mengubah tingkah laku peserta secara positif? Apakah mampu penganjur program memberi perhatian kepada pembangunan setiap individu peserta? Untuk itu, inisiatif IPGM menganjurkan program Pembangunan Bakat dan membenarkan kajian dijalankan terhadap prestasi bakat peserta adalah baik dan relevan. Diharap kekurangan instrumen penilaian bakat khusus untuk program pembangunan diri Kementerian Pelajaran Malaysia dapat diatasi selepas kajian ini dijalankan.

OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk menghasilkan instrumen kursus Penilaian Bakat *Rising Together* dan mengukur pencapaian prestasi peserta program tersebut.

- i. Menghasil, menguji dan mengguna pakai instrumen kursus Penilaian Bakat *Rising Together* daripada kalangan PPP, Institut Pendidikan Guru, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dalam satu rangka metodologi kajian yang tersusun dan jelas.
- ii. Mengukur, membanding dan menilai pencapaian prestasi peserta program Penilaian Bakat *Rising Together* di Pulau Pangkor, Perak dan Tuaran, Sabah dalam tiga (3) bahagian penilaian:
 - a. Mengukur pencapaian prestasi peserta mengikut enam (6) elemen penilaian.
 - b. Membandingkan prestasi peserta antara *pra* dan *pos* program.
 - c. Menilai prestasi peserta mengikut *ranking*.

Signifikan kajian

Secara mikro, instrumen kajian Penilaian Bakat *Rising Together* boleh dimanfaatkan oleh semua penganjur program pembangunan bakat khususnya di bawah KPM. Instrumen ini secara langsung membantu penganjur mengeluarkan laporan penilaian prestasi peserta-pesertanya secara individu dan berkumpulan. Para peserta kursus juga boleh mendapatkan respon langsung tentang prestasi mereka sepanjang menjalani kursus. Dari situ mereka boleh mengambil langkah memperbaiki diri. Ternyata, instrumen kajian yang dihasilkan adalah produk 'harta intelek' yang impaknya adalah meluas.

Secara makro, aktiviti menjalankan kajian ini sendiri merupakan budaya baru dalam dunia akademik di IPG. Sebagai institusi bertaraf universiti, IPG perlu berjinak-jinak dengan budaya penyelidikan sebegini, mengamalkan perbincangan berasaskan fakta dan berbangga dengan penemuan-penemuan ilmiah. Hanya dengan cara ini IPG dapat membuktikan kepada masyarakat bahawa mereka mengambil tanggungjawab menjayakan agenda besar negara, transformasi pendidikan.

METODOLOGI

Pendahuluan

Kajian deskriptif ini menggunakan rekabentuk tinjauan (*survey*). Kajian ini bertujuan untuk menghasilkan, menguji dan menggunakan instrumen kursus Penilaian Bakat *Rising Together* dari kalangan Pegawai Perkhidmatan, Pendidikan Institut Pendidikan Guru, Kementerian Pelajaran Malaysia (PPP IPG KPM).

Reka bentuk kajian

Penyelidikan ini merupakan kajian deskriptif yang menggunakan reka bentuk tinjauan untuk mengukur prestasi peserta Penilaian Bakat *Rising Together* PPP IPG KPM dengan memperoleh maklumat mereka di sepanjang kursus. Reka bentuk kajian ini melibatkan penyusunan aturan untuk mengumpulkan data, tatacara pengolahan dan analisis data bagi menjawab persoalan dan mencapai objektif kajian (Creswell & Poth, 2018). *Survey* diedarkan atas talian dan ditadbirkan secara digital yang dapat dicapai oleh responden dalam telefon bimbit melalui *blog* dan kata laluan khusus. Pemilihan reka bentuk ini adalah sesuai bagi kursus dan latihan jangka pendek kerana efisien dari segi masa maklum balas.

Kerangka kajian

Kajian ini menggabungkan 6 elemen penilaian bakat yang menjadi kerangka utama bagi menguji dan mengukur prestasi pensyarah IPGK. Pensyarah-pensyarah ini akan mengikuti beberapa aktiviti berasaskan pendidikan luar yang bersifat *adventure*. Yasim et al. (2018) menyatakan bahawa aktiviti bersifat pendidikan luar akan memberikan impak yang pembinaan nilai dalam diri khususnya melalui pembelajaran melalui pengalaman. Era globalisasi bukan sahaja perlu berpengetahuan tinggi, malah perlu juga dikukuhkan dengan pembelajaran kemahiran insaniah dalam diri (Mohd Salleh Aman & Muhammad Jun, 2020).

13 elemen telah dijadikan alat pengukuran elemen prestasi ini yang terdiri daripada:

- i. Amalan profesional
- ii. Hubungan dengan pelanggan
- iii. Mengutamakan pencapaian
- iv. Kepantasan bertindak
- v. Kematangan emosi dan keyakinan diri
- vi. Budaya kerja berpasukan
- vii. Kepimpinan berwawasan & membuat keputusan
- viii. Memimpin perubahan
- ix. Berusaha menambah ilmu pengetahuan
- x. Pemikiran kritis dan inovatif
- xi. Keupayaan melaksanakan bimbingan dan pementoran
- xii. Jalinan dan jaringan
- xiii. Sumbangan profesional dan atau sosial

Elemen-elemen ini dipadatkan menjadi 6 kategori berikut:

- i. Amalan profesional
- ii. Hubungan dengan pelanggan
- iii. Pemikiran kritis dan inovatif
- iv. Kepantasan bertindak
- v. Kematangan emosi dan keyakinan diri
- vi. Budaya kerja berpasukan

Setiap elemen diperincikan lagi dengan subelemen tertentu contohnya elemen kedua, hubungan dengan pelanggan terpecah kepada i. Keupayaan untuk membina peribadi pelajar, ii. Memenuhi keperluan pelajar, iii. Menjaga kebajikan pelajar, dan iv. Membentuk pelajar ke arah matlamat bersama.

Elemen-elemen yang membentuk kerangka kajian di atas bertepatan dengan empat unsur pembangunan kompetensi diri (*lead, act, think, dan value*) yang disarankan oleh pihak KPM. Keempat-empat unsur ini dapat disesuaikan dengan polisi baru KPM (2018) yang menetapkan supaya semua kursus dan latihan anjuran KPM berpegang pada tiga (3) unsur utama: pengetahuan, kemahiran dan nilai.

Populasi dan sampel

Dalam perancangan penyelidikan ini sasaran populasi dan teknik persampelan telah diambil kira. Penyelidikan ini terbuka kepada semua pensyarah yang bertugas di IPG seluruh Malaysia. Bagaimanapun, apabila pemilihan peserta kursus dibuat oleh pihak IPGM, jumlahnya menjadi kecil, mengikut kesesuaian. Tanpa mengambil kira maklumat prestasi sebelum ini, semua peserta kursus secara automatik terpilih menjadi sampel kajian.

Instrumen kajian

Kajian ini melibatkan sampel yang kecil, antara 20-30 orang, mengikut jumlah peserta kursus. Pengedaran soal selidik dilakukan secara atas talian kerana memudahkan responden menjawab mengikut masa yang fleksibel dan segera. Begitu juga pentadbir penyelidikan memerlukan respon segera. Soal selidik mengandungi 6 item penilaian dengan sedikit keterangan setiap item. Tiga (set) soal selidik (kandungan item yang sama) disediakan untuk peserta (20%), jurulatih (40%) dan ketua panel (40%). Peserta diminta menilai sendiri tahap prestasi mereka sebanyak dua (2) kali, *pra* dan *pos*. Bagi jurulatih dan ketua panel, mereka membuat penilaian pada hari terakhir kursus sahaja. Bagi tujuan ini, mulanya skala *likert 4* daripada lemah (1) kepada cemerlang (4) digunakan semasa Program 1 di Pulau Pangkor. Bagaimanapun, skala ini diperincikan menjadi *likert 10* mata iaitu daripada sangat lemah (1) kepada cemerlang (10) untuk Program 2 di Tuaran. Kedua-dua skala ini kemudiannya diselaras menjadi skala *likert 10* mata.

Jadual 1

Elemen Penilaian dan Skala Likert

Skala		Tahap Persetujuan	
		<i>Likert 4</i> mata	<i>Likert 10</i> mata
1	Amalan profesional	1. Lemah	1. Sangat lemah
2	Hubungan dengan pelanggan	2. Sederhana	2. Lemah
3	Pemikiran kritis dan inovatif	3. Baik	3. Lemah-sederhana
4	Kepantasan bertindak	4. Cemerlang	4. Sederhana-lemah
5	Kematangan emosi dan keyakinan diri		5. Sederhana
6	Budaya kerja berpasukan		6. Sederhana-baik
			7. Baik
			8. Sangat baik
			9. Baik-cemerlang
			10. Cemerlang

Kajian rintis

Kajian rintis dijalankan bagi menguji instrumen kajian, prosedur kajian, penganalisan data dan aspek lain yang berhubung kait dengan kajian yang bakal dijalankan (Chua, 2016). Ini termasuk tempoh maklum balas dari responden yang mencukupi. Melalui kajian rintis, item-item yang didapati tidak sesuai digugurkan dan dibaiki semula. Dari kajian Program 1 di Pulau Pangkor, tiada item yang digugurkan. Bagaimanapun skala *likert* dibaiki daripada 4 menjadi 10. Bahasa dan struktur ayat soal selidik telah dipastikan dapat difahami oleh responden. Diyakini bahawa pernyataan-pernyataan benar-benar dapat menghasilkan jawapan yang dikehendaki oleh penyelidik (Creswell, 2014).

Kajian rintis telah dijalankan di Pan Vill Resort, Pulau Pangkor. Sampel kajian terdiri daripada 25 orang peserta, 8 orang jurulatih dan seorang ketua panel. Set soal selidik *pra* kursus untuk peserta telah diedarkan pada malam hari pertama dan pentadbir mendapat respon dalam tempoh 30 minit. Set soal selidik *pos* kursus untuk peserta, jurulatih dan ketua panel pula telah diedarkan pada hari terakhir kursus dan pentadbir penyelidikan mendapat maklum balas sebelum kursus tamat.

Kebolehpercayaan dan keesahan instrumen dibuat selepas kesemua item soal selidik dikumpulkan dan data dianalisis. Dari segi kebolehpercayaan, didapati instrumen yang digunakan adalah stabil dan tekal dalam mengukur penilaian prestasi peserta. Kaedah '*Cronbach Alpha*' (Norusis 1997; Cronbach, 1946) digunakan untuk mengukur ketekalan dalaman instrumen yang mana Nilai Alfa antara 0.60 hingga 0.80. Dari segi kesahan, penyelidikan ini berpandukan Isaac & Michael (1985) yang memberi tumpuan kepada keesahan kandungan dan konstruk. Panel penyelidik telah mengadakan penilaian mendalam bagi tujuan pembentukan item-item dalam soal selidik.

Prosedur analisis data

Penyelidikan ini menggunakan statistik deskriptif. Penggunaan kaedah statistik yang kompleks seperti inferensi, korelasi, regrasi, analisis t-test, analisis varians univariat (ANOVA) tidak diperlukan untuk Penilaian Bakat *Rising Together*. Instrumen penyelidikan ini mengikut acuan dan format penilaian prestasi Kementerian Pelajaran Malaysia. Statistik deskriptif membentangkan fakta-fakta kursus termasuk butir-butir diri peserta jantina dan gred jawatan, tarikh dan tempat kursus diikuti dengan hasil penilaian pra, pos, jurulatih dan panel. Statistik deskriptif ini dipecah-kecilkan mengikut lokasi kursus iaitu di Pangkor dan Sabah. Kemudian analisis setiap peserta dibuat daripada pencapaian keseluruhan (sangat lemah, lemah, sederhana, baik dan cemerlang) sehingga *ranking* pencapaian mengikut peserta. Analisis data dipersembahkan dalam bentuk peratusan, jadual dan graf.

DAPATAN KAJIAN

Dapatan kajian Program di Pulau Pangkor, Perak.

Fakta dan demografi

Kursus Penilaian Bakat *Rising Together* telah dijalankan di Pulau Pangkor, Perak pada 13 hingga 16 Ogos 2018. Peserta berjumlah 25 orang, 17 lelaki dan 8 perempuan yang terdiri daripada pensyarah IPG, zon tengah dan utara. Majoriti peserta dari Gred DG 41 (11 orang) dan DG 41 12 orang. Dua peserta lagi dari Gred DG 48 (1 orang) dan DG 52 (1 orang) (Rujuk Jadual 3.1).

Jadual 2

Jantina dan gred peserta kursus Penilaian Bakat Rising Together Pulau Pangkor.

Jantina	Bilangan	Gred	Bilangan
Laki	17	DG41	11
Perempuan	8	DG44	12
Jumlah	25	DG48 / DG52	2

Penilaian prestasi kursus Pembangunan Profesionalisme Pensyarah / Pegawai Institut Pendidikan Guru Malays (IPGM), 2018, Pulau Pangkor, Perak berasaskan 6 elemen. Elemen-elemen prestasi yang dinilai termasuk amalan profesional (profesional), hubungan dengan pelanggan (pelanggan), pemikiran kritis dan inovatif (pemikiran), kepantasan bertindak (bertindak), kematangan emosi dan keyakinan diri (kematangan) dan budaya kerja berpasukan (berpasukan) (perkataan di dalam

kurungan mewakili setiap elemen). Untuk program di Pulau Pangkor ini, penilaian berasaskan skala *likert* 4 mata (1=lemah, 2=sederhana, 3=baik, dan 4=cemerlang)

Jadual 3

Pencapaian Penilaian Prestasi Peserta Mengikut Elemen

Elemen	Profesional	Pelanggan	Pemikiran	Bertindak	Kematangan	Berpasukan
Mata	3.57	3.57	3.54	3.39	3.51	3.54
Peratus %	89.34	89.34	88.51	84.65	87.68	8.51

Jadual 3 di atas menunjukkan pencapaian keseluruhan prestasi peserta di Pulau Pangkor mengikut elemen. Keenam-enam elemen pengukuran prestasi berada di tahap ‘baik’ yang mana hampir kesemuanya mencapai skor melebihi 3.3 (daripada 4). Bermaksud, hampir semua elemen mencapai prestasi melebihi 82.5%. Ini menggambarkan responden di Pulau Pangkor memberi perhatian kepada kesemua elemen penilaian prestasi kerja termasuk kemahiran profesional, sahsiah dan potensi diri.

Membandingkan prestasi peserta antara *pra* dan *pos* program

Kajian ini memperkenalkan instrumen penilaian prestasi sendiri *pra* dan *pos*. Diandaikan, dengan menjawab instrumen sebelum memulakan program (*pra*), peserta akan menilai diri mereka berasaskan status quo. Dijangka, dengan menjawab instrumen yang sama selepas menjalani program (*pos*), peserta akan menilai diri mereka berasaskan pengaruh dan impak program yang dijalani, samada positif atau negatif.

Jadual 4

Pencapaian Penilaian Prestasi Peserta Antara Pra dan Pos

Perkara	Elemen											
	Profesional		Pelanggan		Pemikiran		Bertindak		Kematangan		Berpasukan	
	Mata	%	Mata	%	Mata	%	Mata	%	Mata	%	Mata	%
PRA	3.40	85.00	3.40	85.00	3.28	82.00	3.20	80.00	3.04	76.00	3.32	83.00
POS	3.60	90.00	3.60	90.00	3.60	90.00	3.48	87.00	3.60	90.00	3.60	90.00

Merujuk jadual 4 di atas, penilaian prestasi sendiri *pra* dikalangan peserta yang mengikuti program di Pulau Pangkor menunjukkan mereka menilai prestasi sendiri rata-rata melebihi 80%, kecuali elemen 5, ‘Kematangan emosi dan keyakinan diri’, hanya di tahap 76%. Data ini secara langsung memberitahu ada segelintir peserta di Pangkor ini yang kurang mampu mengawal masalah sendiri dalam situasi tertentu.

Penilaian prestasi sendiri *pos* pula menunjukkan peningkatan kesemua elemen sekurang-kurangnya 5%, menjadikan rata-rata 90%. Yang menarik perhatian ialah elemen 5, yang mengalami peningkatan paling tinggi sejumlah 14%, melonjak dari 76% ke 90%. Lonjakan ini membuktikan aktiviti program selama dua hari itu telah membuahkan hasil dengan meningkatkan prestasi dari aspek ‘kematangan emosi dan keyakinan diri’.

Jika dihurai mengikut elemen, didapati semua elemen bertambah antara *pra* dan *pos* sekurang-kurangnya 5%, iaitu amalan profesional 5%, hubungan dengan pelanggan 5%, pemikiran kritis dan inovatif 8%, kepantasan bertindak 7%, kematangan emosi dan keyakinan diri 14% dan budaya kerja berpasukan 7%. Sekali lagi dinyatakan, perbezaan pertambahan penilaian yang paling

tinggi adalah elemen ‘kematangan emosi dan keyakinan diri’ (14%). Dapatan ini memberi panduan kepada penganjur program dan peserta supaya tidak mengabaikan elemen sahsiah dalam penilaian prestasi. Elemen sahsiah hendaklah dibangunkan sehingga peserta mencapai tahap cemerlang seterusnya mampu menjadi suri teladan, matang dan berprestasi tinggi.

Menilai prestasi peserta mengikut *ranking*

Jadual 5

Pencapaian Penilaian Prestasi Peserta Mengikut Ranking

Prestasi	Skala	Jumlah
Cemerlang	75.0 - 100	0 (0%)
Baik	50.0 - 74.9	23 (92%)
Sederhana	25.0 - 49.9	0 (0%)
Lemah	0.00 - 24.9	2 (8%)

Pencapaian prestasi peserta mengikut *ranking* di jadual 5 di atas menunjukkan 0% cemerlang, 92% baik, 0% sederhana dan 8% lemah. Sebilangan besar peserta dalam program di Pulau Pangkor ini memperoleh tahap baik, sebaliknya tiada seorangpun berada di tahap cemerlang dan tahap sederhana. Walaupun program ini berjaya meningkatkan penilaian prestasi mengikut elemen namun program-program itu masih belum dapat meningkatkan prestasi peserta ke tahap cemerlang. Maknanya, kandungan dan cara pengendalian program di Pulau Pangkor hanya berupaya menaikkan prestasi peserta ke tahap baik.

Yang tidak boleh diabaikan tentang data 2 peserta (8%) yang mencapai tahap penilaian prestasi ‘lemah’. Program penilaian bakat *Rising Together* di Pulau Pangkor ini hanya melibatkan 25 orang, namun masih ada 2 daripadanya yang ‘bermasalah’. Masalah yang ditimbulkan oleh mereka hendaklah dijustifikasi. Tindakan dan penilaian rendah seperti ini ada implikasinya kepada peserta itu sendiri, pihak pentadbir, selain membawa kesan negatif kepada penganjur program.

Dapatan kajian Program di Tuaran, Sabah.

Fakta dan demografi

Kursus Penilaian Bakat *Rising Together* telah dijalankan di Pusat KoKurikulum, Kem Malanggang, Tuaran, Sabah pada 3 hingga 6 September 2018. Peserta berjumlah 21 orang, 7 lelaki dan 14 perempuan yang terdiri daripada pensyarah IPG, zon Sabah dan Sarawak. Majoriti peserta dari Gred DG 44 (15 orang), DG 41 4 orang dan DG 48 seorang sahaja di jadual 6.

Jadual 6

Jantina dan Gred Peserta Kursus Penilaian Bakat Rising Together Tuaran, Sabah.

Jantina	Bilangan	Gred	Bilangan
Laki	7	DG41	4
Perempuan	14	DG44	15
Jumlah	21	DG48 & DG52	2

Pencapaian keseluruhan penilaian prestasi peserta mengikut elemen

Penilaian prestasi kursus Pembangunan Profesionalisme Pensyarah/Pegawai Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM), 2018, di Tuaran, Sabah berasaskan enam (6) elemen prestasi seperti program di Pangkor termasuk amalan profesional, hubungan dengan pelanggan, pemikiran kritis

dan inovatif, kepantasan bertindak, kematangan emosi dan keyakinan diri dan budaya kerja berpasukan. Jika di Pangkor ukuran penilaian prestasi berasaskan skala *likert* 4 mata, kali ini ukuran menggunakan skala *likert* 10 mata. Untuk tujuan analisis kedua-dua skala ini diselaraskan menjadi skala *likert* 10 mata.

Jadual 7

Pencapaian Penilaian Prestasi Peserta Mengikut Elemen

Matmen	Profesional	Pelanggan	Pemikiran	Bertindak	Kematangan	Berpasukan
Peratus %	78.93	80.36	79.64	82.14	81.79	85.00

Jadual 7 di atas menunjukkan pencapaian keseluruhan prestasi peserta program di Tuaran mengikut elemen. Keenam-enam elemen pengukuran prestasi berada di tahap ‘baik’ yang mana hampir kesemuanya mencapai skor sekitar 8.0 (daripada 10). Ertinya responden mencapai prestasi kerja untuk semua elemen sekitar 80%. Ini menggambarkan responden memberi perhatian yang hampir sama kepada kemahiran profesional, sahsiah dan potensi diri.

Penilaian prestasi peserta antara *pra* dan *pos*

Sebagaimana kajian yang dijalankan di Pulau Pangkor, peserta dalam program di Tuaran ini diberi peluang juga menilai prestasi mereka sendiri *pra* dan *pos* program.

Jadual 8

Pencapaian Penilaian Prestasi Peserta Antara Pra Dan Pos

Per kara	Elemen											
	Profesional		Pelanggan		Pemikiran		Bertindak		Kematangan		Berpasukan	
	Mata	%	Mata	%	Mata	%	Mata	%	Mata	%	Mata	%
Pra	7.46	74.64	7.25	72.50	7.54	75.36	7.21	72.14	7.36	73.57	7.64	76.43
Pos	7.89	78.93	8.04	80.36	7.96	79.64	8.21	82.14	8.18	81.79	8.50	85.00

Merujuk jadual 8 di atas, penilaian prestasi sendiri *pra* dalam kalangan peserta yang mengikuti program di Tuaran menunjukkan mereka menilai prestasi sendiri rata-rata di bawah 75%. Penilaian prestasi sendiri *pos* pula meningkat melebihi 80%. Peningkatan purata 5% membuktikan aktiviti program membawa impak positif sehingga meningkatkan prestasi peserta terutama dari aspek kepantasan bertindak.

Huraian mengikut elemen, didapati semua elemen bertambah antara *pra* dan *pos* sekurang-kurangnya 4%. Perbezaan pertambahan penilaian yang paling tinggi adalah elemen ‘kepantasan bertindak’ (10%). Secara langsung, program yang dijalankan telah berjaya memberi kesedaran kepada peserta bahawa lambat bertindak dan gagal mengurus masa menyebabkan mereka ketinggalan. Sebaliknya kemampuan melakukan amalan-amalan baik dan berkualiti serta pantas merebut peluang memastikan mereka mendapat tempat dan menjadi contoh kepada yang lain.

Pencapaian penilaian prestasi peserta mengikut *ranking*

Jadual 9

Pencapaian Keseluruhan Prestasi Peserta Mengikut Ranking

Prestasi	Skala	Jumlah
Cemerlang	75.0 - 100	5 (24%)
Baik	50.0 - 74.9	15 (71%)
Sederhana	25.0 - 49.9	0 (0%)
Lemah	0.00 - 24.9	1 (5%)

Pencapaian prestasi peserta mengikut *ranking* di atas menunjukkan 24% cemerlang, 71% baik, 0% sederhana dan 5% lemah. Majoriti peserta memperoleh tahap baik, ini merupakan kelok pencapaian prestasi yang normal di kebanyakan institusi. Pencapaian cemerlang 24% menunjukkan program yang disertai adalah berkesan kerana mampu meningkatkan prestasi 5 orang peserta ke tahap cemerlang. Pencapaian 5% peserta yang mendapat prestasi lemah menunjukkan target *zero defect* sesebuah institusi amat sukar untuk dicapai kerana pasti ada seorang dua 'kakitangan' yang bermasalah. Dapatan ini konsisten dengan masalah yang dihadapi dalam program di Pulau Pangkor.

RUMUSAN, CADANGAN DAN KESIMPULAN

Pengenalan

Analisis data kajian ini telah menghasilkan beberapa dapatan:

- i. Perolehan instrumen Penilaian Bakat *Rising Together*
- ii. Perhatian sama rata terhadap semua elemen penilaian prestasi
- iii. Elemen 'kematangan emosi dan keyakinan diri' dan 'kepantasan bertindak' yang masih kurang dikuasai peserta.
- iv. Program Penilaian Bakat *Rising Together* didapati memberi impak segera dan positif walaupun kesannya lebih tertumpu kepada peserta secara berkumpulan berbanding secara individu.
- v. Staff bermasalah sentiasa 'wujud' dalam sistem dan organisasi pendidikan, tidak terkecuali program Penilaian Bakat *Rising Together* yang dianjurkan.

Cadangan penyelidikan

- i. Memperkenalkan Instrumen Penilaian Bakat *Rising Together* (IPBRT)
- ii. Untuk melahirkan tenaga pakar, tumpuan kepada sesuatu elemen adalah perlu.
- iii. Pensyarah memerlukan latihan pembangunan diri secara berkala
- iv. Menilai semula kandungan dan pendekatan program
- v. Staf bermasalah dalam organisasi adalah risiko yang perlu diurus

Memperkenalkan Instrumen Penilaian Program

Instrumen Penilaian Bakat *Rising Together* telah berjaya dihasilkan, diuji dan digunakan dalam program di Pulau Pangkor, Perak dan Tuaran, Sabah. Dari segi kebolehpercayaan, instrumen ini stabil dan tekal dengan nilai Alfa antara 0.60-0.80. Dari segi kesahan, tumpuan diberi kepada kandungan dan konstruk. Reka bentuk kajian yang berasaskan digital dan soal selidik atas talian ini sangat sesuai bagi kursus dan latihan jangka pendek. Aplikasi skala *likert* 10 mata adalah berkesan. IPBRT boleh dijadikan *template* untuk menilai keberkesanan kursus dan program dalam dan luar KPM.

Untuk melahirkan tenaga pakar, keunggulan dalam sesuatu elemen adalah perlu

Untuk tujuan penilaian prestasi, didapati peserta memberi perhatian kepada semua elemen hampir sama rata. Elemen-elemen itu termasuk amalan profesional, hubungan dengan pelanggan, pemikiran kritis dan inovatif, kepantasan bertindak, kematangan emosi dan keyakinan diri dan budaya kerja berpasukan. Cara sebegini menyebabkan peserta tidak subgguh-sungguh menguasai dan mengungguli sesuatu elemen. Sifat *jack of all trades master of none* ini menyulitkan individu peserta menjadi seorang tenaga pakar. Situasi ini lama kelamaan meletakkan tenaga akademik Institut Pendidikan Guru terkebelakang dalam konteks pembangunan tenaga pakar akademik berbanding tenaga akademik di institusi pengajian tinggi yang lain. Maka tumpuan pembangunan diri dengan memberi tumpuan kepada mengungguli sesuatu elemen dalam penilaian ini adalah perlu.

Pensyarah IPG memerlukan latihan pembangunan diri secara berkala

Berdasarkan data *pra* program, terdapat 2 elemen penilaian yang kurang dikuasai oleh peserta iaitu 'kematangan emosi dan keyakinan diri' dan 'kepantasan bertindak'. Sebaliknya kedua-dua elemen ini melonjak naik sejumlah 10%-14% semasa penilaian *pos* program. Hasil penilaian data *pra* dan *pos* program ini membuktikan program Penilaian Bakat *Rising Together* ini berjaya memberi impak yang segera dan positif kepada prestasi peserta. Ternyata bahawa penganjur program dan peserta tidak mengabaikan elemen sahsiah dalam penilaian prestasi. Kematangan emosi dan keyakinan diri membolehkan peserta mencapai tahap cemerlang seterusnya mampu menjadi suri teladan, matang dan berprestasi tinggi. Program yang dijalankan juga telah berjaya memberi kesedaran kepada peserta bahawa lambat bertindak dan gagal mengurus masa menyebabkan mereka ketinggalan. Sebaliknya kemampuan melakukan amalan terbaik dan berkualiti serta pantas merebut peluang memastikan mereka mendapat tempat dan menjadi contoh kepada yang lain.

Rumusan di atas menjelaskan bahawa pensyarah-pensyarah IPG memerlukan latihan pembangunan diri secara berkala dan konsisten. Sifat manusia biasa, sekali air bah sekali pasir berubah. Begitu juga tentang motivasi, potensi dan prestasi kerja, jika tidak diberi penyegaran, kita lupa dan perkara itu terabai. Tegasnya, program Penilaian Bakat *Rising Together* adalah relevan dan signifikan.

Menilai semula kandungan dan pendekatan program Penilaian Bakat *Rising Together*

Pengalaman mengoperasikan dua program, Pulau Pangkor dan Tuaran, memberi peluang kepada pengkaji menilai semula keberkesanan 'kandungan' dan 'pendekatan' program. Data daripada program di Pulau Pangkor menunjukkan 2 impak yang tidak selari. Dari satu sudut, penilaian prestasi peserta meningkat secara keseluruhan dalam keenam-enam elemen tetapi dari sudut yang lain, 92% penilaian prestasi peserta mengikut *ranking* mencapai tahap 'baik' sahaja, sementara 0% mencapai tahap 'cemerlang'. Ini menjelaskan kandungan dan pendekatan program hanya berupaya meningkatkan prestasi peserta secara berkumpulan tetapi tidak berupaya meningkatkan prestasi peserta secara individu. Data ini juga membawa erti, kandungan dan pendekatan dua program di atasi lebih menekankan nilai-nilai *teamwork*.

Jika diteliti semula kaedah penilaian prestasi kerja pensyarah-pensyarah IPG, penilaiannya banyak mengandungi nilai-nilai individu dan dibuat secara individu. Walaupun ada nilai-nilai *teamwork* namun kuantitinya tidak sebanyak nilai individu. Nilai-nilai yang dimaksudkan termasuk amalan profesional, sahsiah dan potensi diri. Secara logiknya tidak mungkin program selama 3 hari dapat mengubah dengan nyata nilai-nilai baik seseorang individu tetapi setidaknya-tidaknya perbincangan ini membantu penganjur program menyemak semula kandungan dan pendekatan program supaya dapat meningkatkan prestasi peserta secara individu. Pembangunan bakat secara individu penting untuk memastikan bahawa para pensyarah IPG terus memperkukuh amalan dan

kemahiran, menggunakan pengetahuan dan kemahiran baru seiring dengan peredaran zaman masa kini. Program pembangunan bakat secara individu merupakan strategi paling penting untuk menyerlahkan bakat dan kepakaran para pensyarah yang berada di IPG.

Staf bermasalah dalam organisasi merupakan risiko yang perlu diurus

Dua orang peserta (8%) daripada program di Pulau Pangkor, Perak dan seorang peserta (5%) daripada program di Tuaran, Sabah mencapai tahap 'lemah'. Tahap lemah ini bermaksud peserta itu 'bermasalah'. Program pendidikan yang berskala mikro beginipun wujud staf bermasalah pada kadar sekurang-kurangnya 5%. Berasaskan instrumen kajian yang disediakan, hampir tidak mungkin peserta akan memperoleh markah di bawah 50% sekiranya mereka hadir, walaupun tidak mengikuti semua aktiviti. Ini menunjukkan 3 orang peserta di atas melakukan masalah yang lebih serius sehingga diri sendiri tidak dapat memberi penilaian kepada diri sendiri, apatah lagi jurulatih dan ketua panel.

Analisis data ini mencerminkan staf bermasalah wujud di mana-mana, bila-bila masa di dalam sistem dan organisasi pendidikan. Penganjur program berharap 100% peserta berdaftar akan memberi 100% komitmen terhadap aktiviti-aktiviti yang diatur dari awal hingga akhir program, tetapi hakikatnya program anjuran institusi pendidikan seperti di atas terpaksa berhadapan dengan risiko 'staf bermasalah'. Samalah juga situasinya di mana mana institusi pendidikan yang lain yang tidak habis-habis menangani masalah 'staf bermasalah'. Nampaknya amalan pengurusan risiko - mencegah, mengelak, memindahkan dan/atau menghadapinya wajar diaplikasikan dalam program-program pembangunan diri lebih lebih lagi yang melibatkan penilaian prestasi. Tugas menangani isu yang ditimbulkan oleh staf bermasalah ini perlu dimasukkan dalam agenda pentadbiran pendidikan yang berterusan.

KESIMPULAN

Kajian yang dijalankan ke atas program Penilaian Bakat *Rising Together* di Pulau Pangkor, Perak dan Tuaran, Sabah, telah berjaya dilaksanakan dengan jayanya. Penyelidik mendapat kerjasama sepenuhnya daripada jurulatih dan peserta kursus, bermula dari penyediaan instrumen sehingga kepada proses pengumpulan data. Analisis data dan penulisan laporan dilakukan secara berkumpulan supaya penilaian dan semakan dibuat serentak. Hasil dari dapatan kajian ini memberi implikasi positif bukan sahaja kepada IPGM sebagai penganjur juga kepada peserta yang mewakili IPG masing-masing. Diharap penilaian program pendidikan sebegini dapat dijadikan amalan khususnya program yang bersifat pembelajaran melalui pengalaman oleh penganjur dengan menjadikan instrumen kajian ini sebagai *template*.

RUJUKAN

- Chua Yan Piaw.(2006). *Kaedah penyelidikan*. McGraw-Hill (Malaysia) Sdn Bhd.
- Chua, Yan Piaw. (2016). *Mastering research methods 2nd edition*. McGraw-Hill (Malaysia) Sdn Bhd.
- Creswell J. W. (2004). *Research design (viski knight, ed.) (4th ed.)*. SAGE Publications, Inc.
- Creswell, J. W., & Poth, C. N. (2018). *Qualitative inquiry & research design: Choosing among five approaches (4th ed.)*. Sage Publications.
- Creswell, J. W. (2014). *Research design: qualitative, quantitative and mixed methods approaches (4th ed.)*. Sage Publications Ltd.

- Cronbach, Lee. J. (1946). *Response sets and test validity*. University of Chicago
- ISAAC, S., & Michael, W. B. (1985). *Handbook in research and evaluation*. EdITS Publishers.
- Kasmin, R., Baharan, M. F., Mohsin, N., Kila, N., & Hassan, M. A. (2019). Amalan Kualiti Guru Dalam Kalangan Guru Pendidikan Islam di Sekolah Kebangsaan. *Journal of Management and Operation Research*, 1(4), 1-23.
- Kerlinger, F.N. (1986). *Foundations of behavioral research. 3rd edition*, Holt, Rinehart and Winston.
- Kevin J. Dougherty, Sosanya M. Jones, Hana Lahr, Rebecca S. Natow, Lara Pheat. (2016) *Performance funding for higher education*. John Hopkins University Press
- Marzuki Mohd Yasim. (2011). *Pembelajaran berasaskan pengalaman dalam Md Amin Md Taff (Eds.)*. Pendidikan Luar – Definasi, Falsafah & Aplikasi. Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Mohd Salleh Aman & Muhammad Jun Basaruddin. (2020). *Soft skill dalam sukan*. Penerbitan Lembah Dickson Enterprise.
- Othman Lebar. (2018). *Penyelidikan kualitatif : Pengenalan kepada teori dan metod*. Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris
- Yasim, M. M., Aziz, A., Md Taff, M. A., & Zakaria, J. (2018). Outdoor Education Camp and Group Cohesion: an Investigation in the Teacher Education Institute of Malaysia. *Journal of Fundamental and Applied Sciences*.